

## A. SENARAI SEMAK PERMOHONAN UNTUK DILANTIK SEBAGAI SYARIKAT AP FRANCAIS

NAMA SYARIKAT:	
JENIS PERMOHONAN:	KERETA / MOTOSIKAL
JENAMA:	

1 Surat Permohonan

2 Perjanjian francais dengan syarikat prinsipal yang lengkap

*Nota:*

- i. Dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris*
- ii. Ditandatangani (initial) di setiap muka surat*
- iii. Mempunyai duti setem*

3 Katalog (beserta gambar, spesifikasi kenderaan, anggaran harga jualan)

*Nota: Bagi kenderaan elektrik (EV), perlu dikemukakan bersekali dengan United*

*Nations Regulations No. 100 (kereta elektrik); dan*

*United Nations Regulations No. 136 atau MS 2413 atau MS 2688 (motosikal elektrik)*

4 Penyata kewangan beraudit terkini

5 Profil syarikat:

5.1 M&A (Memorandum and Articles of Association)

5.2 Borang 9, 24, 49

5.3 Borang 13 (sekiranya terdapat perubahan nama syarikat)

*Nota: Semua dokumen profil syarikat perlu mempunyai cop pengesahan asal oleh Setiausaha Syarikat*

6 Pengesahan pihak Prinsipal mengenai penamatan perjanjian francais terdahulu (sekiranya ada)

Makluman:

- i. Penerimaan dokumen tidak menjamin kelulusan permohonan*
- ii. Hanya permohonan yang mempunyai dokumen yang lengkap akan diproses*

**LESEN IMPORT (AP) FRANCAIS**

<b>Kod ePermit</b>	<b>IQV (LUAR ASEAN) &amp; IQA (ASEAN) - KERETA IQC (LUAR ASEAN) &amp; IQM (ASEAN) – MOTOSIKAL IQB (ASEAN) – KENDERAAN KOMERSIL</b>
--------------------	--

**Syarat Kelayakan Menjadi Pemegang Lesen Import (AP) Francais**

1. Syarikat AP Francais hendaklah mempunyai perjanjian francais eksklusif yang sah dengan:
  - (i) Syarikat prinsipal; ATAU
  - (ii) Subsidiari kepada syarikat prinsipal tertakluk kepada syarat berikut:
    - a. Sekurang-kurangnya 51% daripada saham-saham syarikat subsidiari dimiliki oleh syarikat prinsipal; dan
    - b. Subsidiari kepada syarikat prinsipal hendaklah menjalankan aktiviti pengilangan bagi pihak syarikat prinsipal.
2. Sekurang-kurangnya 70% saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera.
3. Modal berbayar syarikat hendaklah sekurang-kurangnya RM1 juta.
4. Kenderaan yang dibenarkan diimport:

(i) Kereta

<i>Internal Combustion Engine (ICE)</i>	Kereta Elektrik (EV)
a. Kereta penumpang berkapasiti enjin <u>melebihi 1,800 cc</u> ; b. Kereta mempunyai <u>harga jualan atas jalan melebihi RM250,000 seunit</u> ; c. <u>Kereta penumpang</u> yang tidak berpotensi memberi <u>saingan</u> dan <u>menjejaskan</u> pasaran kenderaan <u>pemasangan tempatan</u> (kereta yang telah dipasang tempatan); dan d. Bukan kenderaan <i>tuned-up</i> .	a. Pengimportan kereta elektrik (EV) diberi <u>kelonggaran sementara sehingga 31 Disember 2025</u> : <ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Tidak tertakluk</u> kepada <u>syarat had kapasiti enjin setara melebihi 1,800 cc</u>; dan</li> <li>• Namun demikian, <u>harga jualan atas jalan</u> hendaklah <u>tidak kurang dari RM100,000</u>.</li> </ul> b. Model kereta elektrik (EV) yang hendak diimport perlu ada pensijilan <u>United Nations Regulation No. 100</u> .

(ii) Motosikal

<i>Internal Combustion Engine (ICE)</i>	Motosikal Elektrik (EV)
a. Motosikal penumpang berkapasiti enjin <u>250cc dan ke atas sahaja</u> ; dan b. <u>Motosikal penumpang</u> yang tidak berpotensi memberi <u>saingan</u> dan <u>menjejaskan</u> pasaran kenderaan <u>pemasangan tempatan</u>	a. Pengimportan motosikal elektrik (EV) diberi <u>kelonggaran sementara sehingga 31 Disember 2025</u> : <ul style="list-style-type: none"> <li>• <u>Tidak tertakluk</u> kepada <u>syarat had kapasiti enjin setara melebihi 250 cc</u>; dan</li> </ul>

**LESEN IMPORT (AP) FRANCAIS**

	<p>(motosikal yang telah dipasang tempatan).</p>	<ul style="list-style-type: none"><li>Namun demikian, <u>harga jualan atas jalan</u> hendaklah <u>tidak kurang</u> dari RM12,000.</li></ul> <p>b. Model motosikal elektrik (EV) yang hendak diimport perlu ada pensijilan <u>United Nations Regulations No.136</u> atau <u>MS 2413</u>.</p>
	<p>5. Syarikat hanya dibenarkan mengimport <u>kenderaan penumpang baharu dalam bentuk CBU</u>, yang mana, <u>pengimportan</u> dibuat <u>secara terus</u> dari <u>syarikat prinsipal</u> ATAU <u>kilang syarikat prinsipal di luar negara</u> seperti yang ditetapkan dalam <u>perjanjian francais</u>.</p> <p>6. Pengambilan alih hak francais daripada syarikat sedia ada dibenarkan.</p>	
<b>Tempoh Sah AP</b>	Enam (6) bulan	
<b>Dokumen Sokongan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li><i>Packing List</i></li><li><i>Bill of Lading</i></li><li><i>Form D</i> (bagi ASEAN sahaja)</li><li><i>Kenderaan elektrik (EV):</i><ul style="list-style-type: none"><li>- <i>United Nations Regulations No. 100 (kereta elektrik); dan</i></li><li>- <i>United Nations Regulations No. 136 atau MS 2413 atau MS 2688 (motosikal elektrik)</i></li></ul></li></ul>	
<b>Piagam Pelanggan</b>	Lima (5) hari bekerja ( <i>permohonan secara dalam talian menerusi Sistem e-Permit</i> )	

Dikemaskini 8 Ogos 2023